PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 3/2026

MENEMPATKAN PEMOHON ATAU MEMERENGGAN TANAH BAGI MAKSUD MENDUDUKI TANAH SEBELUM DIUKUR

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Putrajaya
2026

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2026
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Menara PETRA, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan
1.	1976	Pekeliling Asal
2.	2007	Semakan Pertama
3.	2026	Semakan Kedua

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/2026

Menempatkan Pemohon Atau Memerenggan Tanah Bagi Maksud Menduduki Tanah Sebelum Diukur

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah mengenai kaedah penempatan dan pemerengganan tanah kepada pemohon atau tuan punya tanah yang telah didaftarkan hakmilik sementara untuk menduduki dan menggunakan tanah yang belum diukur menurut seksyen 396 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] (KTN).

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Penempatan pemohon (pemegang *Approved Application* atau *Approved Occupation*) atau tuan punya tanah bagi hakmilik sementara adalah merupakan suatu tindakan untuk menentukan setiap pemohon atau pemilik tanah mengetahui maklumat sempadan tanah yang diluluskan atau dimiliki bagi mengelakkan pemohon atau pemilik tanah menduduki kawasan yang salah.

3. Pemerengganan adalah suatu proses untuk meletakkan tanda-tanda sempadan sementara sebagai rujukan sehingga kerja-kerja ukur muktamad (*final survey*) selesai dijalankan.

4. Dalam keadaan tanah yang belum diukur sama ada daripada permohonan yang diluluskan (sebelum berkuat kuasanya KTN) ataupun hakmilik sementara telah didaftarkan, syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada pemohon ataupun tuan punya tanah:

4.1 Semua caj bayaran yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah dibayar;

4.2 Pemohon atau tuan punya tanah telah ditunjukkan kawasan dan sempadan sementara bagi tanah yang didudukinya oleh Pegawai Petempatan; dan

4.3 Pemohon atau tuan punya tanah tidak boleh memasuki, menduduki atau mendirikan apa-apa binaan melebihi atau di luar kawasan yang telah ditetapkan.

5. Bagi maksud perenggan 4 di atas, Pentadbir Tanah perlu mengambil tindakan seperti berikut:

5.1 Satu pengakuan penempatan menggunakan borang seperti di **Lampiran A** hendaklah ditandatangani oleh pemohon ataupun tuan punya tanah bagi tanah yang belum diukur;

5.2 Kawasan tanah yang dimaksudkan hendaklah ditanda (*charting*) di dalam pelan piawai di Pejabat Tanah dengan serta-merta; dan

5.3 Borang penempatan tersebut hendaklah direkodkan di dalam fail permohonan.

6. Pentadbir Tanah hendaklah menentukan supaya setiap pemohon atau tuan punya tanah bagi tanah yang belum diukur ditempatkan menurut kaedah yang disebutkan di perenggan 5 di atas.

7. Setelah penempatan pemohon atau tuan punya tanah atau pemerengganan tanah selesai dilaksanakan, maka Pentadbir Tanah perlu mengambil tindakan di bawah subseksyen 181(1)(a) Akta 828 yang memperuntukkan tanda-tanda sempadan sementara dibuat di atas permukaan tanah mengikut pelan dan perihal rujukan tanah yang diluluskan oleh PBN semasa pemberimilikan diluluskan. Tindakan pemerengganan ini perlu dilaksanakan bagi memberi hak dan ketidakbolehsangkalan dokumen hakmilik sementara seakan-akan hakmilik muktamad kecuali sempadan-sempadannya adalah sementara dan tanah itu tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagian atau disatukan selaras dengan perenggan 176(2)(a) dan (b) Akta 828. Dicadangkan kaedah pemerengganan dilaksanakan secara teratur, menggunakan alat ukur yang diluluskan oleh pihak yang berwibawa atau pihak dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja ukur menurut Akta 828 serta meletakkan tanda-tanda sempadan sementara yang kukuh sehingga kerja-kerja ukur muktamad selesai dijalankan.

8. Pentadbir Tanah juga adalah dinasihatkan untuk memastikan permintaan ukur bagi tanah yang diluluskan ini disediakan dan dihantar kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri/Wilayah Persekutuan selaras dengan subseksyen 181 Akta 828. Adalah dicadangkan supaya pelan ukuran yang disediakan lengkap bering, jarak, koordinat dan keluasan sementara yang sama seperti pelan pra-hitungan. Pelan ukuran yang tepat adalah diperlukan bagi memastikan ukuran muktamad menepati piawaian ukuran yang dibenarkan dan menepati seksyen 83 Akta 828.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Wilayah Persekutuan.

10. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia ditandatangani.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 7/1976 dan Bilangan 10/2022 adalah dibatalkan.

(DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Tarikh: 08.4.2026

Lampiran A

PENGAKUAN PENEMPATAN

Bahawa saya/kami ..... No kad pengenalan/ No. Syarikat/Pertubuhan beralamat .....
.....
pemohon/tuan punya tanah bagi tanah yang belum diukur seluas lebih kurang ..... hektar/meter persegi di dalam mukim/pekan/bandar ..... Daerah ..... yang telah diluluskan pada ..... menurut fail Bil ..... mengaku bahawa sempadan sementara tanah tersebut telah ditunjukkan kepada saya/kami dan saya/kami mengaku akan mematuhinya.

2. Saya/kami mengaku tidak akan menggunakan tanah lebih dari yang telah diluluskan. Sekiranya terjadi yang demikian saya/kami tidak akan menuntut hakmilik.

Disaksikan oleh

.....

Pemohon/tuan punya tanah
yang belum diukur

.....

Pegawai Petempatan
Daerah .....

Tarikh: .....